

11 MAR 1997

SALEH SANGKAL PERLANTIKANNYA BERSIFAT SEMENTARA

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Datuk Mohd Saleh Sulong hari ini menyangkal spekulasi kononnya perlantikannya sebagai pengerusi kumpulan syarikat DRB-Hicom sebagai bersifat sementara.

"Jika anda bercakap dari segi menunggu untuk seorang lagi Yahaya (Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad) untuk muncul...tengoklah," katanya.

"Ketika itu, saya akan berada dalam kedudukan ini cukup lama," katanya kepada pemberita selepas mengetuai pertemuan antara 160 orang pegawai kanan kumpulan DRB-Hicom dengan perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama 45 minit.

Saleh dilantik pengerusi kumpulan itu berikutan kematian Yahaya dalam satu nahas helikopter di Kuala Lipis, Pahang, Jumaat lepas yang turut membunuh isterinya dan juruterbang helikopter.

Menjawab satu pertanyaan tentang ada pihak tertentu yang tidak berpuas hati dengan kedudukan beliau sebagai penjaga syarikat-syarikat yang dikawal oleh keluarga Yahaya, beliau berkata: "Siapa agaknya mereka itu."

Mengenai tempoh penjagaan itu, beliau berkata: "Saya dan Yahaya ada mempunyai sedikit sefahaman mengenai perkara itu... saya tidak mahu mendedahkan sesuatu yang peribadi kerana ia adalah perkara keluarga."

Beliau bagaimanapun berkata anak Yahaya akan dilantik menduduki lembaga pengarah syarikat-syarikat di bawah kumpulan DRB-Hicom "bila mereka bersedia kelak."

"Mereka perlu menamatkan pengajian terlebih dahulu," katanya.

Ditanya sama ada kuasa penjagaan yang diberikan kepadanya itu termasuk hak eksklusif mengundi, beliau berkata dia bukan seorang sahaja kerana ada seorang lagi yang diberi kuasa.

"Dia amat rapat dengan anggota keluarga tetapi saya tidak boleh mendedahkan identitinya," tambahnya. -- BERNAMA

AD SIA